

30 DEC 1999

DR MAHATHIR PERLU KEKAL SELESAI TUGAS PENTING, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak yang menyokong hasrat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menawar diri bertanding jawatan presiden parti itu yakin anggota parti akan menerima hasrat Perdana Menteri itu.

"Saya percaya Dr Mahathir yang telah membuat kenyataan bahawa pilihan raya kali ini adalah pilihan raya yang terakhir (baginya) mempunyai tugas yang beliau fikirkan belum selesai," kata Najib yang juga Menteri Pertahanan.

Pentadbiran Dr Mahathir telah melakukan banyak perubahan dan sumbangan kepada kejayaan negara kita yang kini bercirikan sebuah negara maju, kata beliau pada persidangan media selepas menerima bungkusan Hari Raya di Wisma Pahlawan (bangunan Kementerian Pertahanan) di sini.

Bungkusan Hari Raya untuk anggota tentera yang bertugas di perbatasan itu disampaikan oleh Yang diPertua BAKTI Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali bagi pihak penderma.

Najib berkata, "saya percaya sebahagian besar anggota Umno akan menerima baik hasrat Dr Mahathir dan kita boleh lihat perkembangan dalam masa beberapa hari ini."

Katanya, "secara peribadi dan sebagai naib presiden saya menyokong hasrat beliau."

"Apa yang penting bagi Umno ialah untuk menentukan kestabilan dan perpaduan kita dan sebarang perubahan dilakukan dengan cara yang teratur dan tersusun tanpa menimbulkan masalah," katanya.

Beliau berkata "tugas pokok bagi kita sebagai anggota parti sekarang ini ialah untuk mengembalikan semula keyakinan yang tinggi terhadap Umno sebagai wadah perjuangan orang-orang Melayu."

Dalam temuramah dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM) di Putrajaya Rabu lepas, Dr Mahathir menyatakan hasrat untuk mempertahankan jawatan Presiden Umno jika dicalonkan semula pada pemilihan parti yang dijadualkan tahun depan.

-- BERNAMA

gm lat